

Pada penggal kedua pula, Persatuan Bahasa Malaysia telah mengadakan pertandingan syarahan dan seminar Kecemerlangan Bahasa Malaysia untuk murid – murid yang akan mengambil peperiksaan Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR).

Beberapa aktiviti telah dijalankan pada penggal pertama. Antaranya, Kuiz Bahasa Malaysia, Pertandingan Menulis Cerpen, dan Pertandingan Berbalas Pantun. Semua pertandingan ini mendapat penyertaan yang memberangsangkan.

Pelantikan ahli jawatankuasa baru telah diadakan semasa mesyuarat tersebut. Selain itu, aktiviti untuk sepanjang tahun turut dibincangkan. Beberapa orang ahli telah mengusulkan beberapa cadangan aktiviti yang bakal dijalankan.

Dilaporkan oleh,

.....*Ali*.....

(ALI BIN AHMAD)

Setiausaha Persatuan Bahasa Malaysia,
Sekolah Kebangsaan Leftenan Adnan.

Secara keseluruhannya, aktiviti yang dijalankan banyak memberikan manfaat kepada murid-murid.

Pada 18 Januari 2020, Persatuan Bahasa Malaysia Sekolah Kebangsaan Leftenan Adnan telah mengadakan mesyuarat tahunan yang pertama. Mesyuarat tersebut melibatkan semua ahli Persatuan Bahasa Malaysia.

Di samping itu, persatuan ini turut menganjurkan lawatan ke Pulau Langkawi. Ianya bertujuan untuk meluaskan pandangan dan pengetahuan murid-murid.

ARAHAN : Murid-murid diminta menyusun karangan laporan tersebut mengikut perenggan dan format laporan yang betul.